



PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH TERHADAP IBU BAPA PENAGIH DADAH

PEMBENTANG :

Dr. Abu Dardaa Mohamad

Mohd Farid Mohamad Japeri

PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN FPI, UKM

KANDUNGAN

01 ***Abstrak***

02 ***Pengenalan***

03 ***Analisis Dan
Perbincangan***

04 ***Kesimpulan***

Abstrak

Penagihan dadah adalah suatu fenomena buruk yang telah berpanjangan di negara ini. Kesan buruk daripada penagihan dadah bukan sahaja tertakluk kepada penyalahguna dadah itu sendiri, bahkan kepada keluarga, rakan taulan, masyarakat dan negara. Antara mangsa penagihan yang perlu dibantu ialah ibu bapa penagih. Ini kerana ibu bapa penagih orang yang paling dekat dengannya serta bertanggungjawab dalam pendidikan dan gaya hidup anak-anak. Kertas ini adalah bertujuan menjelaskan tentang kesan penagihan dadah anak-anak terhadap psikologi ibu bapa. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesan daripada penagihan oleh anak, ibu bapa sering kekurangan motivasi, mempunyai perasaan malu anak yang terlibat dengan penagihan dadah, menyesal kerana tidak mendidik anak dengan sempurna, penafian anak yang terlibat dengan dadah serta menyalahkan diri sendiri. Implikasinya, bantuan berbentuk dakwah kepada ibu bapa penagih adalah suatu perkara yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Islam menekankan pendekatan dakwah yang betul kepada semua mad'u atau sasaran dakwah yang antaranya ialah aspek psikologi.

PENGENALAN

- * Belia berumur 19 sehingga 39 tahun adalah golongan yang mencatatkan peratusan yang tertinggi sebagai penyalah guna dan penagih dadah serta bahan iaitu sebanyak 68.1 peratus dari keseluruhan penagih dadah dan bahan (AADK 2019)
- * Utusan Malaysia November (2020) setiap bulan purata 315 kanak-kanak dan remaja dikesan terbabit dalam kes penyalahgunaan dadah dan mengikut statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam tempoh tiga tahun sejak 2018 sehingga Jun lalu, golongan remaja juga adalah tiga kali lebih tinggi berbanding daripada golongan dewasa (Ketua Pengarah AADK)
- * Menurut Utusan Malaysia bertarikh 27 April 2021: Satu Keluarga Satu Penagih, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, CP Dato' Razarudin Hussain berkata salah guna dadah dilihat tidak akan selesai sebaliknya terus kritikal apabila setiap keluarga di negara ini dikhuatiri bakal mempunyai seorang yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah menjelang 2029 (Kajian Institut Keselamatan Awam (IPSOM) Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Universiti Teknologi Malaysia(UTM))

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

KESAN PENAGIHAN DADAH ANAK-ANAK TERHADAP PSIKOLOGI IBU BAPA

- i. Kurang Motivasi Diri
- ii. Perasaan Malu
- iii. Penyesalan
- iv. Penafian
- v. Sering menyalah Diri

PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH TERHADAP IBU BAPA PENYALAHGUNA DADAH

- i. Kaunseling Individu
- ii. Kaunseling Keluarga
- iii. Rawatan Keluarga
(Family Support Group)

KESIMPULAN

Masalah penyalahgunaan dadah di dalam ahli keluarga memberi tekanan yang disebabkan oleh penyalahgunaan dadah dalam kalangan ahli keluarga, pendekatan psikologi dakwah atau bimbingan jiwa seperti Kaunseling individu, kaunseling keluarga serta Rawatan keluarga (*Family Support Group*) diharap dapat membantu khususnya ibubapa yang menghadapi anak yang terlibat dengan penagihan dadah

THANKS

